



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

**AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI**

TAHUN 25 BILANGAN 13

RABU 26HB. MACH, 1980.

رابو 9 جمادي الاول 1400

PERCHUMA

PERANAN "PELURUS-LURUSKAN" TIDAK BERMAKNA MELETAKKAN DIRI DALAM KEADAAN SERBA SALAH



YANG Amat Mulia Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibol Bandar Pengiran Haji Ali.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Penghulu2, Ketua2 Kampong dan Ketua2 Rumah Panjang ada-lah di-anggap sa-bagai orang pelurus-luruskan terhadap sa-barang keliruan yang biasa berbangkit di-kalangan anak2 kampong mengenai sa-tengah2 perkara dan anggapan terhadap kerajaan.

Bersabda ketika merasmikan Kursus Sivik bagi Penghulu2, Ketua2 Kampong dan Ketua2 Rumah Panjang Kali Ketiga yang telah di-adakan di-Pusat Belia di-sini pada malam Ahad lepas, Yang Amat Mulia Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibol Bandar Pengiran Haji Ali bin Pengiran Mohd Daud menekankan bahawa peranan sa-bagai 'pelurus-luruskan' terhadap sa-barang keliruan

itu bukan-lah bermakna meletakkan diri dalam keadaan yang serba salah.

Kerana, kata-nya, sa-bagai orang yang di-anggap tua mereka mesti-lah sedia dengan sikap2 yang bijaksana yang mana kebijaksanaan itu mustahak di-sertai dengan fahaman yang betul mengenai masalah tertentu sa-hingga sa-barang keliruan di-kalangan anak2 kampong itu akan dapat di-luruskan dengan jaya-nya dan sempurna.

Di-samping itu, sabda Yang Amat Mulia itu lagi, Penghulu2, Ketua2 Kampong dan Ketua2 Rumah Panjang juga perlu mempunyai pimpinan yang berkesan yang sa-memangnya di-harapkan oleh anak2 kampong terutama-nya pada sa-majlis suka-duka dan sa-umpama-nya.

"Apa yang saya mahu katakan dalam hubungan pimpinan ini ia-lah tuan2 mesti-lah bersedia menjadikan diri tuan2 selaku indung kepada anak2 buah yang sanggup di-ingul. Maalom sahaja-lah hal-ehwal sambat malamari yang memerlukan indung tidak dapat di-tentukan malam siang-nya, sabda Yang Amat Mulia.

"Saya perchaya tuan2 sudah berpengalaman mengenai-nya. Tinggal sahaja lagi mustahak juga-lah pengalaman tuan2 itu di-halusi dan di-tingkatkan lagi mutu-nya sa-kira2-nya lebeh pula kesesuaian dengan keadaan yang berubah2 dari masa ka-semasa".

"Saya tidak-lah bermaksud mengatakan lebeh dari ini, sebab tuan2 pun faham bahawa keadaan yang berubah2 menjadikan banyak

Lihat muka 18



TUAN Hakim, Noel Plunkett Power ketika mengangkat sumpah.

Tuan Hakim Noel mengangkat sumpah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah telah berkenan melantek Tuan Hakim, Awang Noel Plunkett Power selaku Pesuruhjaya Mahkamah Besar Brunei buat masa tempoh tiga tahun yang bermula pada hari Rabu 19hb Mach lalu.

Tuan Hakim, Awang Noel Plunkett Power yang tiba dari Hongkong pada hari Selasa lalu, telah mengangkat sumpah di-hadapan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himamah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamad Bolkiah selaku wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia di-satu istiadat yang berlangsung di-Istana Darul Hana di-sini pada hari Rabu yang baru lalu.

Semasa berada di-Brunei, Tuan Hakim, Awang Noel Plunkett Power mpenge-

rusikan perbicharaan Mahkamah Tinggi Brunei dan akan mendengarkan beberapa kes2 jenayah dan awam.

Hadhir di-upachara mengangkat sumpah itu ia-lah Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Awang Arthur Watson, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah.

Turut hadir sama di-upachara itu termasuk-lah Penasehat Umom Kebawah DYMM, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awg Isa; Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail; Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Permaisura; Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Dato Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd Taib; Speaker Majlis Mashuarat Negeri, YAM Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar; Peguam Negara, YAM Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin serta pegawai2 kanan dari Jabatan Undang2 dan Kehakiman.

Penghulu2, Ketua2 Kampong dan Ketua2 Rumah Panjang di-seru:

TINGKATKAN PERANAN DAN KESANKAN CHARA PIMPINAN

BANDAR SERI BEGAWAN.—Penghulu2, ketua2 kampong dan ketua2 rumah panjang di-ingatkan untuk terus meningkatkan peranan mereka dengan meningkatkan chara pimpinan yang boleh mengimbangi suasana dan hal ehwal di-tempat masing2.

Manis-nya Iman

"KALAU saya di-bolehkan memerintahkan sa-scorang sujud kepada sa-scorang yang lain maka neschaya saya perintahkan perempuan (isteri) sujud kepada suami-nya"—Hadith Nabi riwayat At Tirmidzi daripada Abu Hurairah.

Beruchap di-pembukaan rasmi kursus sivik bagi penghulu2, ketua2 kampong dan ketua2 rumah panjang malam Ahad yang baru lalu, Ketua Pegawai Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman menjelaskan dengan pengimbangan sademikian ada-lah sangat di-kehendaki oleh kerajaan.

Kata-nya, masalah bernegeri dan berkerajaan sa-chara keseluruhan mesti di-tentukan kepada mereka yang dapat di-harap untuk sama2 menghadapi dan mengatasi menurut kadar dan perengkat-nya, dan penghulu2, ketua2 kampong serta ketua2 rumah panjang merupakan sa-bahagian dari mereka yang di-harapkan itu.

"Dalam berharap sa-de-

mikian itu-lah usaha2 bagi memberi peluang kepada tuan2 meningkatkan fahaman dan kesedaran sivik ia-itu mengenai hal ehwal sa-masa di-sekitar Kerajaan dan negeri terus-menerus di-adakan saperti kursus ini", jelas Awang Haji Badaruddin.

Terdahulu dalam ucapan itu Awang Haji Badaruddin menjelaskan menerusi kursus sivik itu mereka di-harapkan untuk memperolehi kesempatan yang munasabah yang mempertajam peranan sa-bagai orang2 yang di-beri kepercayaan oleh Kerajaan bagi mengetahui anak buah masing2.

Ketua Pegawai Penerangan itu menjelaskan lagi, sudah menjadi kenyataan

Lihat muka 18

Hasil pengeluaran minyak

SERIA. — Hasil pengeluaran minyak mentah dalam sa-tengah tahun kedua 1979 ia-lah berjumlah 240,459 tong sa-hari.

Satu kenyataan dari Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, hasil pengeluaran dari 1hb Julai hingga 31hb Disember itu menunjukkan

sa-jumlah 203,118 tong sahari di-perolehi dari telaga2 di-luar pantai dan sa-jumlah 37,341 tong di-perolehi dari telaga2 minyak di-darat.

Dalam tempoh yang sama, sa-jumlah 85 kargo gas chechair juga telah di-eksport ka-negeri Jepun.



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAH
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI

26HB MACH, 1980

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

HARAPAN UNTUK PENUNTUT2 PERTUKANGAN

MINGGU suai-kenal penuntut2 Sekolah Bangunan Sultan Saiful Rizal di-Jalan Muara telah pun selesai dan satu di-antara beberapa harapan yang dapat di-timbulkan oleh "minggu" itu ia-lah keinginan pada melihat tumbuh-nya satu pengeluaran tenaga manusia yang benar2 berfaedah pada pembangunan masyarakat 'am-nya dan khusus-nya negara. Harapan ini ternyata amat besar dan memang berat untuk di-pikul bila di-kirakan kepada dua matlamat yang begitu agong bunyi-nya. Harapan yang begini agong, sa-benar-nya ada-lah untuk semua pehak atas nama raayat dan penduduk negeri ini dan penuntut2 itu ada-lah sa-bahagian daripada-nya yang juga di-harap dapat mengambil peranan yang lebih mengesankan. Sebab, dari peranggapan kepada penuntut sa-jauh ini sa-bagai gulungan yang terpelajar ada-lah kumpulan2 tenaga yang di-kira dapat mencherminikan sa-suatu yang baik dengan kemampuan ilmu masing2. Dalam hubungan ini, maka ilmu pertukangan ada-lah tidak terkecuali, malah ia mempunyai peranan yang tersendiri dalam soal2 pembangunan.

Harapan tunggal yang di-sandarkan kepada mereka ia-lah untuk mengambil alih tenaga2 luar yang semakin tumbuh membesar dalam semua sektor yang menjadi agensi dalam semua kerja yang berkaitan dengan pembangunan di-negeri ini. Hari ini kita melihat yang negara kita di-banjiri oleh tenaga2 luar itu bukan saja bagi kalangan yang ahli atau berkemahiran dalam satu2 bidang kerja itu, malah bidang2 kerja yang tidak memerlukan keahlian juga turut di-timbuni oleh tenaga2 yang datang atau di-datangkan dari luar itu. Dalam masaalah kedatangan orang2 luar ini, bukan saja memberi kesan dalam bidang ekonomi yang sepatut-nya tumpah kepada tenaga2 tempatan, malah ia juga memberi kesan di-bidang sosial yang menimbulkan beberapa gejala yang kadang2 tidak sa-lari dengan hasrat negara dan kehendak masyarakat kita.

Jalan keluar untuk mengatasi masaalah ini dapat di-katakan terlalu sukar, melainkan tenaga2 tempatan dapat menampilkan diri untuk berkecimpung di-bidang2 pembangunan yang munchol dengan galaknya dan tidak akan menemui perhentian sa-lagi kita bernama negara membangun. Maka itu, khusus dalam bidang2 kemahiran ini, kita ternyata memerlukan tenaga2 tempatan yang sa-tentu-nya ada-lah terdiri dari kalangan belia dan beliawanis yang kini maseh menuntut dan sa-bilangan-nya lagi telah pun menamatkan pengajian. Yang nyata bahawa mereka ini-lah di-harap bakal mengambil tempat2 yang kini di-kendalikan oleh orang2 luar. Harus-lah bagi mereka menyedari akan hakikat kepentingan negara dan masyarakat mereka itu dengan melalui amalan2 yang sa-baik2-nya ia-itu tidak saja dengan menumpukan minat bekerja dengan Kerajaan, tetapi penting-lah juga bagi mereka memasoki pekerjaan2 yang di-kendalikan oleh agensi2 bukan Kerajaan, kerana agensi2 bukan Kerajaan itu juga ada-lah pelaksana rancangan pembangunan Kerajaan.

Soal memilah ada-lah hak mereka. Ini tidak dapat di-nafikan, tambahan pula ia-nya berkait rapat dengan soal2 masa depan seperti dari segi jaminan2 di-masa tua. Akan tetapi, mencheborkan diri di-bidang2 pekerjaan bukan Kerajaan tidak bermakna jaminan masa depan itu tidak ada, malah ia ada-lah lebih cherah dalam banyak segi terutama-nya di-segi pendapatan dan di-segi pembentokan keagihan diri sendiri. Bagaimana pun, dalam semua hal yang memerlukan diri kita itu, mesti-lah kita timbangkan dengan sa-baik2-nya. Kalau bukan kitani, siapa lagi?

MUNGKIN awda pernah mendengar atau mendapati ada orang mengadukan hal sa-seorang yang lain, dan dalam masa yang sama dia juga mendesak supaya orang yang di-adukan-nya itu di-kenakan hukuman?

Saya sengaja bertanya sa-chara andaian begini. Maalum saja-lah, perkara adu-mengadu bukan-lah satu penyakit umom, lalu tidak-lah sa-mesti-nya keseluruhan orang mengadap-nya. Jadi, awda atau siapa2 chuma 'mungkin' pernah mendengar atau mendapati, dan tidak sa-mesti-nya pernah mengalami dalam maana melakukan-nya atau menerima aduan yang berchampur desakan begitu.

Tinggal lagi, apa pun kemungkinan atau apa jua pengalaman awda dalam hal adu-mengadu ini ada baik-nya awda saya bawa mengikuti satu kesah yang benar2 terjadi.

KESAH

Satu ketika di-zaman pemerintahan Sayidina Umar Al-Khattab ada sa-orang telah mengadukan hal sa-orang yang lain. Aduan-nya itu ia-lah berhubung dengan perbuatan meminum arak.

Awda tentu maalum, meminum arak ada-lah satu kesalahan berat di-segi hukum shara' dan berkuat kuasa dengan berkesan pada zaman itu. Orang yang di-dapati thabit kesalahan-nya boleh di-kenakan hukuman sebat.

"Saya telah melihat-nya minum arak lalu mabok," kata-nya dalam aduan-nya yang di-sampaikan terus kepada Sayidina Umar.

"Saya berpendapat ada hukum Allah terhadap kesalahan-nya itu, dan tanggung-jawab saya mengadukan-nya kepada tuan" sambong-nya dengan yakin dan bersemangat.

Menurut keterangan dalam kesah ini, orang yang mengadu itu bernama Al-Jarud Ibnu Al-Mu'alla, sa-orang yang sa-belum memeluk Islam ada-lah terkemuka di-kalangan kaum-nya dengan sikap fanatik beragama. Sikap lama-nya itu kelihatan berterusan setelah dia memeluk Islam sejak di-zaman Nabi lagi.

Apabila di-tanya oleh Sayidina Umar: ada-kah siapa lagi yang melihat kejadian itu dan boleh menjadi saksi, dia pun menyebutkan nama sa-orang Sahabat yang mashor ia-itu Abu Hurairah. Maka Abu Hurairah pun di-panggil.

"Chara bagaimana kau

PADA HEMAT SAYA....

"...SA-KALI PUN GUGOR KESAKSIAN"

menyaksikan kejadian yang di-adukan ini?" tanya Sayidina Umar kepada-nya.

"Saya tidak melihat-nya minum, tapi saya mendapati-nya mabok termuntah2" jawab Abu Hurairah menjelaskan apa yang disaksikan-nya berhubung dengan hal orang yang di-adukan oleh Al-Jarud itu.

"Kau kelihatan-nya begitu halus dan berhati2 dalam kesaksian mu" Sayidina Umar mengulas keterangan Abu Hurairah sa-demikian itu.

ADA KES

Sa-telah menimbangkan keterangan itu, Sayidina Umar mendapati aduan itu 'ada kes' untuk 'di-dengar'. Lalu beliau pun memerintahkan supaya orang yang di-adukan meminum arak itu di-panggil untuk di-bicharakan.

Menurut kesah - nya, orang yang di-adukan itu sedang berada jauh di-wilayah Bahrin. Nama-nya ia-lah Qudamah bin Maz'un, ia-itu salah sa-orang Sahabat. Maka surat memanggil-nya (barangkali juga seperti surat 'summon' sekarang ini!) ka-Medinah pun terpaksa di-hantar melalui utusan khas.

Apabila dia sampai di-Medinah, dia di-dapati sedang uzur. Melihat keadaan-nya itu Sayidina Umar menanggohkan kes-nya sehingga dia semboh. Tetapi Al-Jarud yang mengadukan-nya tadi menganggap penanggohan itu satu perchubahan melengahkan hukum Allah bahkan tidak mengambil berat atas aduan-nya. Maka dia pun pergi menemui Sayidina Umar.

MENDESAK

"Wahai Umar! Laksanakan-lah hukum Allah ka-atas Qudamah..." kata-nya mendesak.

Mendengar desakan sa-demikian itu maka Sayidina Umar pun bertanya: "Adakah kau ini sa-bagai saksi atau sa-bagai lawan?"

"Sa-bagai saksi!" jawab Al-Jarud.

"Kalau begitu, kau telah pun menunaikan kesaksian mu" Sayidina Umar menjelaskan.

Maksud beliau, kira-nya dia mengadu itu sa-takat bersedia jadi saksi untuk menthbitkan kesalahan Qudamah meminum arak maka memadai-lah dengan keterangan-nya dalam aduan-nya tempoh hari. Sebab ada-lah di-luar 'capacity' sa-orang saksi kalau dia juga mendesak satu2 hukuman di-jatuhkan ka-atas orang yang di-dakwa.

Begitu-lah, dan mendengar penjelasan itu Al-Jarud pun beredar.

Tapi pada keesokan hari-nya dia datang lagi dengan terus menerus bersikap mendesak supaya Sayidina Umar mengenakan hukuman sebat sa-bagaimana yang di-tetapkan dalam hukum shara' ka-atas Qudamah yang di-adukan-nya meminum arak itu.

GUGOR KESAKSIAN

Melihat sikap-nya itu, Sayidina Umar pun meneliti sa-mula kelayakan-nya untuk terus di-pakai jadi saksi. Dia ternyata tidak mahu faham dan menerima penjelasan sa-belum-nya bahawa 'capacity' sa-orang yang menjadi saksi ia-lah sa-takat memberi keterangan, bukan mendesak di-jatuhkan sa-barang hukuman.

"Kau ku dapati bukan lagi sa-bagai saksi, tapi sudah menjadi lawan ka-atas orang yang engkau adukan," Sayidina Umar memberitahu-nya.

"Dan sekarang, dalam perkara aduan mu chuma tinggal sa-orang saksi..." sambong beliau lagi dengan tegas menggugorkan Al-Jarud yang mengadu serta mendesak itu dari menjadi saksi dalam aduan-nya ka-atas Qudamah. Dengan itu beliau mengisaratkan bahawa kes itu akan gugor dengan sendiri-nya kalau tidak ada saksi lain bagi menchukopi syarat kesaksian.

Memahami akan isyarat kata2 Sayidina Umar itu maka Al-Jarud pun naik radang. Dia segera memaliskan muka-nya sambil menguchapkan kata2 memerli dan meragukan kewibawaan beliau sa-laku Khalifah. Dia menyangka Sayidina Umar memang sengaja berdaled melengahkan kes itu

kerana Qudamah yang di-adukan-nya itu sa-benar-nya mempunyai pertalian dengan beliau.

PRESTASI KEADILAN

Sungguh pun Al-Jarud telah di-gugorkan dari menjadi saksi, yakni kesaksian-nya di-tolak kerana sikap-nya dan keadaan-nya meragukan untuk melayakkan-nya sa-bagai saksi yang lurus, kes yang di-adukan-nya itu ada-lah penting. Ia tidak saja melibatkan aduan mengenai pelanggaran ka-atas hukum Allah tapi juga melibatkan prestasi keadilan, sebab orang yang di-adukan sa-memang-nya ada pertalian dengan orang yang menerima aduan.

Bagi menyelamatkan keadaan, maka Abu Hurairah yang maseh tinggal sa-orang untuk jadi saksi dalam kes tersebut pun meminta Sayidina Umar mendapatkan orang lain yang mungkin dapat memberi keterangan sa-lain dari keterangan-nya sendiri pada mual2 tadi.

"Wahai Amirul-mu'minin! Kira-nya tuan meragukan kesaksian kami maka boleh-lah tuan memanggil Hindun, ia-itu salah sa-orang isteri Qudamah sendiri untuk di-tanyakan," kata-nya.

Sayidina Umar bersetuju. Lalu Hindun pun di-panggil, dan sa-telah dia tampil, beliau segera memberi-nya perangsang untuk berani berkata benar dalas kes melibatkan suami-nya itu.

Dan benar, Hindun, isteri kepada Qudamah yang di-adukan itu memberi kesaksian ka-atas suami-nya dengan berani jujur. Dia mengesahkan kebenaran aduan Al-Jarud itu.

BERHUJJAH

Di-rengkaskan cerita... maka Qudamah pun di-panggil dan kemudian di-beritahu yang dia akan di-hukum sebat kerana meminum arak, lalu dia pun berhujjah mempertahankan diri.

Sa-benar-nya, hujjah-nya itu-lah yang kemudian-nya menjadikan kes-nya ini 'hidup' dalam ristaan. Dan saya sengaja tidak selajor meristakan hujjah-nya itu pada kali ini dengan harapan ada nanti munasabah yang lain untuk menuliskan-nya.

Tapi sa-takat yang mahu di-kesankan kali ini ia-lah betapa dalam kesah tadi sa-orang yang mengadu yang melebihi 'capacity'nya telah di-tolak kesaksian-nya.

Bagaimana pun, awda dan siapa2 — termasuk-lah saya, patut merasa lega dan lapang betapa dalam kesah aduan yang di-cheritakan ini prestasi keadilan dan kehormatan hukum Allah sangat di-perthankan. — Ketua Pegawai Penerangan.

".....sebab ada-lah di-luar 'capacity' sa-orang saksi kalau dia juga mendesak satu2 hukuman di-jatuhkan ka-atas orang yang di-dakwa."

MR JUSTICE NOEL SWORN IN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Mr Justice Noel Plunkett Power was sworn in as the Commissioner of the Brunei Supreme Court at a Ceremony at the Istana Darulhanna here on Wednesday afternoon shortly before the court sitting started.

The rite was conducted by YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah on behalf of His Highness the Sultan and Yang Dipertuan. (See the picture on the right).

YTM Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, the British High Commissioner, the General Adviser to His Highness the Sultan and Yang Dipertuan, the Menteri Besar, the Legislative Council Speaker, the Acting State Secretary, the State Financial Officer, and the Chief Registrar of the Supreme Court were also in attendance.

Mr Justice Noel Plunkett Power arrived here last Tuesday week from Hong-kong to preside over the Brunei Supreme Court session which commenced on Wednesday here.

He is currently hearing criminal and civil cases. The session will last for about two weeks.

On his arrival at the Brunei International Airport, he was met by the Attorney General, YAM Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin and the Chief Registrar of the Brunei Supreme Court, Dato Charlie Foo.

Sandakan infected with cholera

BANDAR SERI BEGAWAN. — A statement from the Director of Marine Department, Pehin Jack Turner, has said that the Sandakan District and Semporna in Sabah have been declared to be infected with cholera early this month.

Hence, all ships arriving in Brunei waters direct from these two places or via intermediate ports are to be placed in quarantine.

No physical contact is allowed to be made with a ship in quarantine, except by the government officers on duty, until has been cleared by the Port Health Officer.

All persons carried in a ship and government officers who board a ship after it has entered Brunei waters, are to remain in the ship until it has been cleared, or are given permission in writing to leave the ship by the Port Health Officer.

PATUH is now defunct

BANDAR SERI BEGAWAN. — A youth association in Kampong Ayer, PATUH (Persatuan Angkatan Tunas Harapan) is no longer existing.

The announcement of the Registrar of Societies, who is also the Commissioner of Police was printed in the Government Gazette dated February 9, 1980.

The Registrar is satisfied that the association has ceased to function since December 11, 1979.

PATUH was formed on April 16, 1962 and was well-

known for its annual tug-of-war tournament organised in conjunction with His Highness the Sultan's birthday celebrations.

In the Gazette, the Registrar also announced the registration of two new societies.

They are the "Quran Readers Association of Brunei" and the "Public Service Commission Department Sports Club".

The two associations were registered on December 29, 1979.



FOUR PSC MEMBERS APPOINTED

BANDAR SERI BEGAWAN. — His Highness the Sultan and Yang Dipertuan has appointed Dato Paduka Awang Haji Ali Khan bin Abdul Khan as a member of the Public Service Commission.

Dato Paduka Awang Haji Ali Khan, a former Postmaster General, fills the post vacated by the late Dato Seri Laila Jasa Awg Haji Hamidon bin Awang Damit.

The other three members of the Public Service Commission have been re-appointed for another three years.

They are the Hon'ble Pehin Datu Derma Setia Dato Seri Setia P.A. Coates, Dato Paduka Awang Haji Noordin bin Abdul Latif and Dato Paduka Chong Tet Kong.

The three-year appointment took effect from January 1, 1980.

RBMR officers complete shell course

SERIA. — The Brunei Shell is organising familiarisation courses or talks for the government officers including the military personnel.

The course is aimed at letting officers know the functions of the company better.

On Thursday, nine officers of the Royal Brunei Malay Regiment completed a four-day familiarisation course.

The course organised by the Brunei Shell was held at the Shell Trade Relations Centre here.

It commenced with a talk on the historical background and general operations of the Shell organisation by the company's Trade Relations Adviser, Mr Sandy Livingstone.

The army officers last week visited off-shore oilfields and toured various sections of the Shell Complex, including the Seria terminal and processing plant and the Shell Company's marine construction yard in Kuala Belait.

Last Tuesday week, Mr

Parree gave a talk on oil production at the Company's Relations Office.

Later, they paid a visit to the Technical Training Centre.

In the afternoon, they were taken on a tour of the Brunei liquefied natural gas plant at Lumut.

Reporting procedure for red tide sightings

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Director of Fisheries, Mr Richard W. Beales, in a statement has said that there is a possibility that the "red tides" experienced in Brunei's coastal waters in March and April 1976, might re-appear

at about the same time this year.

Because the microscopic organism which form the red tides may cause certain sea-foods to become poisonous, so advance warning of their presence in the sea is desirable.

The public are therefore requested to be on the lookout for:

—red/brown discolourations in the sea usually in district patches;

—accumulations of dead or dying fish or seabirds, either floating in the sea or washed ashore.

If the public come across any of the above, they are asked to:

—note the details, e.g. date, time, location, extent of discoloured water, approximate numbers of dead fish or birds;

—collect samples of discoloured water, fish or birds for examination;

—telephone the Fisheries Department at 22067 or 24131 during office hours; or at 26880, 30715 or 30646 after office hours, to report the sighting and to make arrangements for the collection of samples.

The co-operation and assistance of the public will be greatly appreciated.

Mr Beales has also said that the organism concerned is *Pyrodinium bahamense* a toxic marine dinoflagellate previously unrecorded in Brunei waters.

Although each individual organism is microscopic in size, it has the ability to reproduce its numbers very rapidly under certain favourable oceanographic conditions, and the resulting population explosion appears as a distinct reddish-brown discolouration in the sea which is often identifiable from a vessel or aircraft.

Red tides are potentially dangerous to health because of the ability of some bivalve molluscs to feed on the toxic organism and to concentrate the poison. If these molluscs are then eaten, the concentrated dose of poison can cause sickness, and in extreme cases even death.

In the 1976 outbreak it was found that certain types of fish also became poisonous.

Experience in Papua New Guinea (Where red tides caused by the same organism were first recorded in 1973) has shown that red tides can recur.

In Brunei, the most likely time for such a recurrence is during March and April when oceanographic conditions are likely to be suitable.

Because the possibility of a recurrence in Brunei waters exists, and because of the potential health hazard, it will be necessary to be on the alert during this time in order that advance warning of possible contamination may be obtained.

Awg Matdanan gets promotion

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awg Matdanan bin Haji Jaafar of the Fisheries Department was promoted from Fisheries Officer to the newly created post of Deputy Director of Fisheries with effect from February 1, 1980.

He is a graduate of the McGill University in Canada where he has obtained his BSc degree in Zoology.

On his return from Canada in 1973, he joined the Fisheries Department as a Fisheries Officer, and in 1976, he was sent by the Brunei government to United Kingdom for further specialist training.

On successful completion

of the course, he was awarded a diploma in Fisheries Management in 1977 from the Grimsby College of Technology.

Awang Matdanan has represented Brunei at a number of international meetings and seminars including the Conference on the Handling, Processing and Marketing of Tropical Fish held in London in 1976.

He also attended the FAO/DANIDA Seminar on the Management of Tropical Demersal Fisheries held in Bangkok in 1979 and the Twelfth Council Meeting of the Southeast Asian Fisheries Development Centre held in Singapore in 1979.

18 soldiers receive medals

BERAKAS CAMP. — Eighteen members of the Royal Brunei Malay Regiment received the long service and good conduct medals on Friday.

They were presented by the Commanding Officer of the Regiment's First Battalion, the Hon'ble Lieu-

tenant Colonel Pehin Dato Mohammad bin Haji Mohammad Daud.

Twelve of the recipients have been with the Regiment for at least eighteen years.

The ceremony was held here in the presence of about three hundred sol-

diers of the First Battalion.

Meanwhile, at Bolkiah camp on the same day, forty-five army cadets from the Temburong District paid a visit to the Regimental Museum.

They were led by War-rant Officer Two Othman bin Saman.

Allah puncha pertolongan (III)

(Sambongan)

BERUSAHA DAN BERTAWAKKAL

ISLAM menyuruh menchari jalan dan menchari sebab yang boleh menyampaikan pada hajat dan maksud hidup kita ini. Allah Ta'ala menyuruh kita berjalan di-mana2 juga bahagian muka bumi bagi menchari rezeki yang telah di-sediakan oleh Allah sa-bagaimana firman-Nya:

فَاسْأَلُوا فِي مَنَاجِبِهِا وَكُلُوا مِنْ رِزْقِهِ

Tafsir-nya "Berlayar (berjalan-lah) kamu di-muka bumi Allah Ta'ala pada menchari kehidupan dan perniagaan. Dan makan-lah kamu rezeki Allah Ta'ala yang di-sediakan. Pelayaran dan perjalanan itu ada-lah menjadi sebab mendapat rezeki. Di-samping itu kamu bertawakkal kepada Allah".

Sa-lain itu, Allah Ta'ala menyuruh kita menchari sebab supaya dapat kita tolong menolong di-antara satu sama lain dalam perkara yang membolehkan kita hidup bahagia di-dunia dan di-akhirat seperti nama firman-Nya:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ

Tafsir-nya: "Bertolong2-lah kamu dalam perkara kebajikan (yang di-suruh membuat-nya) dan takwa (dengan meninggalkan perkara yang di-larang). Dan janganlah kamu bertolongan2an dalam perkara2 yang mendatangkan dosa dan melanggar batasan yang di-tentukan oleh Allah".

Dalam satu peristiwa pernah Rasulullah (Sallallahu 'Alaihi Wassallam) menyuruh sa-orang yang datang ke masjid Nabi supaya mengikat tali unta kenderaan-nya, kemudian baharu-lah ia bertawakkal kepada Allah dengan sabda-nya:

اعْقِلْهُا وَتَوَكَّلْ

Erti-nya: "Ikut ia (unta) kemudian bertawakkal-lah kepada Allah", (di-riwayatkan oleh Al-Imam At-Tirmizi).

Rengkas-nya: Allah dan Rasul-Nya menyuruh kita berusaha dan menchari jalan untuk menjadi sebab yang membolehkan sampai kepada apa yang kita hajati kemudian baru-lah kita di-suruh bertawakkal, berserah, dan beri'timid (berpegang) dengan Allah Ta'ala dalam segala perkara kita itu, (lihat kitab Al-Matalibul-Qudsiyah Fi Ahkamir-Roh Wa Atharihal-Kawaniyyah oleh Al-Allamah Muhammad Hasanin

Siri ke-25

Makhlof yang meninggal pada tahun 1355 Hijrah).

Dalam sa-bahagian daripada hadith Ibnu Abbas (Radhiallahu 'Anhu) yang telah di-riwayatkan oleh Al-Imam An-Nawawi Al-Arba'in dari hadith yang di-riwayatkan oleh Al-Imam At-Tirmizi. Hadith tersebut berbunyi:

إِذَا اسْتَعْنَتْ فَاسْتَعْنِ بِاللَّهِ

Berkata Al-Allamah Al-Kauthari dan Al-Allamah Ibnu Rajab; hadith ini lemah segala isnad-nya (rawi2-nya). (Lihat Jami'ul Ulum Wal-Hikam). Hadith ini tiada dapat di-buat dalil kerana lemah-nya).

Kata Al-Allamah Al-Kauhtari (Rahimahullah Ta'ala) maksud hadith ini: "Ketika kamu minta tolong dengan sa-siapa sahaja maka hendaklah kamu minta tolong kepada Allah. Ini menurut ma'ana hakiki (sabenar)".

Menurut-nya lagi: "Orang Islam itu tiada lupa akan Allah yang ampunya sebab dan yang menjadikan sebab, ketika ia minta tolong dengan sa-suatu sebab dari sebab2 Allah yang banyak itu". Demikian kata-nya.

Dari segi lain, Allah menyuruh kita minta tolong daripada pehak lain seperti firman-Nya:

وَاسْتَعِينُوا بِالصَّبْرِ وَالصَّلَاةِ

Tafsir-nya: "Bagi mendapat kebajikan dunia dan akhirat minta tolong-lah dengan mengamalkan sifat sabar dan bersembahyang".

Dan firman Allah lagi: وَاعْبُدُوا لَهُمْ مَا اسْتَطَعْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ

Tafsir-nya: "Sediakanlah oleh kamu akan segala

kekuatan (kepandaian memarah dan menggunakan senjata)".

Harus-lah kita fahami baik2 di-sini ia-itu meminta tolong dengan mengamalkan sifat sabar, bersama bersembahyang dan kecekapan memanah umpama-nya bukan-lah berma'ana kita menshirikkan Allah. Tetapi kesemua-nya itu ada-lah sebab dari beberapa sebab yang di-jadikan Allah (termasuk keramat wali2 dan mu'jizat Nabi2) untuk sampai kepada pertolongan yang sa-benar-nya (dari Allah).

Telah kita tuliskan dengan panjang dalam perkara ini moga2 hilang-lah kesilapan sa-tengah2 pegawai penerangan, dan hilang-lah keraguan pehak2 yang berkenaan yang bertanyakan masaalah istighathah dan memanggil tuan guru yang telah meninggal dunia. Ini chukop bagi mereka yang suka menchari kebenaran, bukan bagi mereka yang menchari pertengkaran.

Ini-lah perjalanan Ahli Sunnah Wal-Jama'ah.

BERDO'A, MUNAJAT, SEMBAHYANG DI-TEMPAT MULIA

Kita orang Islam di-suruh oleh Allah dan Rasul-Nya beribadat dalam masjid dan jika kita ada di-Mekah kita di-suruh beribadat, berdo'a, munajat di-Ka'abah, di-Maqam Ibrahim, di-Safa' dan Marwah, di-Arafat, di-Muzdalifah, di-Mina dan di-Masjidil-Haram. Jika kita ada di-Medinah di-suruh pula kita bersembahyang di-masjid Nabi (Sallallahu 'Alaihi Wassallam), di-masjid Quba', dan berdo'a di-Baqi' dan di-kubor Shuhada Uhud kerana Nabi kita berbuat begitu. Ini-lah sa-bahagian dari tempat yang mulia.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS



Haji Ismail Bin Omar Abdul Aziz (YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.J.S. Ashar dan U. Cairo, Muffi.

Firman Allah:

وَاتَّخِذُوا مِنْ مَّقَامِ إِبْرَاهِيمَ مُصَلًّى

Yang bermaksud: "Allah menyuruh kita bersembahyang di-Maqam Ibrahim."

Firman Allah:

فَإِنْ أَقْسَمْتُمْ مِنْ عَرَفَاتٍ فَاذْكُرُوا اللَّهَ عَنِ الْمَشْعَرِ الْحَرَامِ وَادْكُرُوهُ كَمَا هَدَاكُمْ وَإِنْ كُنْتُمْ مِنْ قَبْلِهِ لَمَنِ الضَّالِّينَ

Yang bermaksud: "Allah menyuruh kita berzikir di-Muzdalifah sa-lepas berzikir di-Padang Arafah".

DI-TEGAH BERDOA DI-BATU; DI-BUSUT DAN BERTENONG NASIB

Kita umat Islam di-suruh mengikut perjalanan Rasulullah (Sallallahu 'Alaihi Wassallam) dan kita di-suruh berdoa dan beribadat di-tempat2 yang mulia seperti yang telah saya sebutkan di-atas tadi. Rasulullah (Sallallahu 'Alaihi Wassallam) melarang berdoa atau, minta hajat di-tepi batu, di-gua dan di-kayu2 besar, kerana perbuatan itu besar, kerana perbuatan itu menyerupai kelakuan orang2 mushrikin yang minta hajat di-tempat2 sademikian itu.

Rasulullah menegah kita makan dengan tangan kiri kerana shaitan makan dengan tangan kiri-nya sa-bagaimana riwayat Al-Imam Muslim. Rasulullah juga menegah kita dari meniru kelakuan orang kafir, sa-balek-nya Rasulullah menyuruh kita inaikan janggut dan kepala yang berambut puteh dengan warna kuning atau merah kerana orang2 Yahudi dan Nasrani tiada berbuat begitu.

Rasulullah menegah kita pergi melihat nasib kepada tukang2 tilik dan Pak Nujum kerana ia kelakuan orang mushrikin menyembah berhala. Dan kita ditegah dari perkara yang boleh membawa pada shirik dan kufur sa-bagaimana riwayat Al-Imam Al-Bokhari, Al-Imam Muslim dan Abu Daud.

PENDAPAT SAYUTI DAN IMAM SHAFIE

Manakala Al-Imam As-Sayuti (yang meninggal pada tahun 911 Hijrah) bila di-tanya dalam perkara rumah sarang pelachor, kata-nya: "Hendaklah di-robohkan rumah itu sebab mereka tiada berhenti, dan menggunakan rumah itu untuk pelachoran walau pun sa-telah di-tegah, Rasulullah (Sallallahu 'Alaihi Wassallam) telah berazam hendak membakar rumah2 orang yang tiada datang sembahyang jema'ah di-masjid". Al-Imam Ash-Shafie (Radhiallahu 'Anhu) berkata: "Harus di-bakar rumah2 orang yang tiada datang untuk sembahyang berjema'ah. Kata-nya lagi, menurut dalam Tabaqat Ibnu Sa'ad bahawa Khalifah Saidina Umar ada-lah orang yang mula2 menghukumkan 80 kali sebat ka-atas kaki2 arak. Pada hal biasa-nya hukuman bagi orang meminum arak hanya 40 kali sebat sahaja. Baginda mengenakan hukuman yang keras ka-atas orang2 yang di-pandang jahat dan serong perbuatan-nya. Baginda juga telah membakar rumah Ruwaishid-Thaqafi yang menjadi tempat menjual arak dan tuak.

Demikian-lah ijthad Saidina Umar dalam membasmi perkara maksiat dan mungkar. Termasuk dalam perkara kemungkaran ini ia-lah perchayakan ada kuasa yang memberi mudzarat dan munafa'at sa-lain Kuasa Allah seperti berdo'a di-batu, di-busut, di-pokok2 besar2 dan lain2.

Oleh yang demikian sayugialah perkara2 yang bertentangan dengan ajaran2 Islam itu ditegah dari berlaku dalam masyarakat Islam kita.

WALLAHU A'ALAM.

UGAMA Islam tiada suka sama sa-kali kapada perkara mungkar atau perkara yang salah. Samada yang merupakan perbuatan mahu pun yang bersifat meninggalkan suatu yang di-wajibkan. Maka ini-lah sebab-nya Allah menu-runkan Al-Kor'an dan mengutus Nabi ka-alam ini demi untuk membimbing manusia ka-arrah yang di-redhai dan di-berkati, serta untuk me-nyelamatkan manusia dari perkara yang men-datangkan kerosakan (dosa).

Kita umat Islam di-larang dari berjudi ke-rana memandangkan dosa-nya yang besar dan merosakkan kea-daun rumah-tangga serta kehidupan kita.

Sedangkan munafa'at-nya terlalu sedikit, fir-man Allah dalam Su-rah Al-Baqarah ayat 219 yang bermaksud: Mereka menyatakan kapada engkau (Ya Muhammad) tentang minuman keras dan ju-di. Katakan-lah baha-wa pada kedua-nya itu ada dosa besar dan ada munafa'at-nya terha-dap manusia, tapi do-sa-nya lebih besar dari munafa'at-nya.

Tetapi orang2 yang suka mengerjakan per-kara2 ini sudah tentu berpendapat bahawa judi ada-lah pekerjaan yang boleh mendatangkan keuntungan deng-an sa-kelip mata saha-ja, tanpa bersusah pa-yah membanting tu-lang. Sa-orang penga-rang buku "40 Masa-alah Ugama" telah mencheritakan tentang judi, di-mana pada ma-sa itu beliau sedang melawat kota London.

Di-sana ada di-sedia-kan tempat khas untuk beruchap dengan be-bas, kebetulan pada hari itu ada sa-orang berbangsa Inggeris yang berugama Islam telah berpidatu, bila saja selesai berpidatu maka di-suroh-lah orang ramai bertanya: Maka bertanya-lah sa-orang Inggeris yang bukan berugama Islam, dengan berkata: uga-ma tuan melarang ber-judi, pada hal judi itu sama saja dengan ber-dagang, sama2 chari untong di-mana kita boleh kaya sa-kejap mata, apa-kah itu tidak baik?

Mubaligh Inggeris yang berugama Islam itu menjawab: saudara kan tahu negeri Mona-co di-situ sudah berta-hun-tahun dan bahkan sudah berabad-abad

MENJAUHI JUDI

orang berjudi siang malam dan negeri-nya di-dirikan di-atas tikar judi, tetapi pernah-kah saudara mendengar ada jutawan di-Mona-co yang kaya tersebut judi? Di-sini (London) banyak orang kaya ba-nyak jutawan tetapi bukan tersebut main judi, tetapi hasil perda-gangan, hasil industri dan lain2 usaha.

Di-samping itu ne-gara Monaco yang pe-noh dengan judi dari abad ka-abad tetap sa-ja negara kecil dan tak pernah menjadi be-sar, fikiran orang di-sana hanya judi.

Judi juga banyak mendatangkan akibat2 yang merosak kapada masyarakat sa-umpa-



ma: 1, membinasakan pendidekan, 2. meng-hilangkan chara men-chari rezeki yang wa-jar, 3. melemahkan ke-kuatan fikiran dan akal, 4. meninggalkan sumber2 usaha yang bermunafa'at yang se-suai dengan kudrat dan tabiat manusia, 5. me-matikan kemahuan un-tok berusaha menurut chara yang biasa sa-per-ti bertani, bertukang, berniaga, dan lain2 la-gi.

Maka jauhi-lah per-buatan yang kotor itu, dan bina-lah suasana hidup yang penoh dengan keredhaan Allah. Kerana men-jauhi perbuatan judi itu ada-lah satu jalan untuk menchapai ke-menangan, kenekma-tan dan kebahagiaan.

Memelok Ugama Islam

BANDAR SERI BEGA-WAN — Sa-orang pemuda Iban yang berasal dari Kampong Kenua, Daerah Temburong baru2 ini telah melangsungkan majlis pengislaman-nya bertempat di-Pejabat Jabatan Hal Eh-wal Ugama di-sini.

Wat anak Sumbang, 22 tahun kini di-kenali sa-bagai Abd. Rahman bin Ab-dullah. Ia melafadzkan ik-rar Islam-nya di-hadapan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Haji Ismail bin Mat Serudin sa-orang pegai-wai di-jabatan tersebut.

DUA orang lagi saudara baru dari bangsa China pa-da akhir Februari lepas te-lah melangsungkan peng-islaman mereka di rumah YAM Pengiran Indera Ne-gara Pengiran Anak Ta-hiruddin.

Mereka Tan Hua Seng berasal dari Toa Payoh, Singapura telah memileh nama Islam-nya sa-bagai Awg. Mohd. Seng bin Ab-dullah dan Tang Jin Hiong dari Sarawak telah memileh nama Islam sa-bagai Dyg.

Umikalthum binte Abdul-lah.

Gambar bawah menun-jokkan kedua orang sau-dara baru itu ketika men-jalani upacara akad Islam mereka di-hadapan Awang Ghaffar, imam masjid Kampong Kilanas dan turut di-saksikan oleh YB. Pehin Datu Imam Dato Seri Setia Haji Abdul Hamid bin Bakal.



KITA semua maklom, bahawa sa-sebuah ru-mah-tangga itu ada-lah di-tadbirkan oleh sa-pasang manusia yang bergelar suami dan isteri. Mereka itu-lah yang akan melayarkan bahtera rumah-tangga-nya dengan bijaksana agar tidak terkandas di-tengah samudera atau pechah berkechai di-hempas badai kehidupan.

Sa-tiap keluarga merindukan kebahagiaan dan ketenteraman hidup. Kerana dari keba-hagiaan dan ketenteraman itu akan mengujudkan suasana yang harmoni.

Masing2 orang menem-poh jalan-nya sendiri untuk menchari ke-bahagiaan dan ketente-raman itu. Namun ti-dak semua orang dapat menekmati hidup be-rumah-tangga yang be-nar2 bahagia dan ten-teram itu. Kerana bi-a-sa-nya kehi-dupan rumah-tangga itu tidak kurang dari menghadapi berbagai masaalah dan kerumi-tan samada yang da-tang-nya dari suami atau isteri, anak2 dan ahli2 keluarga yang lain dalam sa-sebuah keluarga itu sa-hingga menimbulkan keke-chohan. Pada-hal ter-diri-nya rumah-tangga itu atas dasar cinta sama cinta, tapi sa-telah menghadapi ke-lusutan dan jalan ke-luar tidak di-temui — lantas lari menchari kedamaian di-luar — akhir-nya terjadi-lah penyelewangan dan pe-nyimpangan dari ke-tentuan dan hukum2 Allah — musnah-lah rumah-tangga!

Lantaran itu, Islam telah menshari'atkan kehidupan bersuami-isteri itu dengan tujuan untuk mengadakan kerjasama antara satu sama lain menurut gar-is2 yang telah di-ten-tukan oleh shara'. Ini bererti bahawa perkah-winan bukan-lah sa-ka-dar suatu paspot un-tok hidup bersama di-mana masing2 pehak

suami dan isteri lebih mengutamakan diri-nya sendiri tanpa menghiraukan pehak yang lain. Bahkan per-kahwinan ada-lah me-rupakan suatu ikatan yang telah di-buat da-lam suatu upacara akad nikah dan perjan-jian yang bersaksi di-mana si-suami dan si-isteri hendak-lah ber-usaha pada melakukan sesuatu untuk kepent-ingan pasangan-nya ba-gi menghadapi keba-hagiaan bersama. Ini te-lah di-tegaskan oleh Allah s.w.t. dalam fir-man-Nya dalam Surah At-Taubah ayat 71 yang bermaksud:

"Dan orang2 muk-min lelaki dan peremp-uan itu ada-lah pe-mimpin di-antara satu dengan yang lain (lela-ki memimpin peremp-uan dan perempuan memimpin lelaki), ia-itu mereka menyuroh berbuat kebaikan dan menegah daripada me-lakukan kejahatan, dan mereka itu mendirikan sembahyang dan me-ngeluarkan zakat, dan mereka itu ta'at kapada perintah2 Allah dan

Bingkisan minggu ini

MENCHINTAI KEBAHAGIAAN

Rasul-Nya. Mereka itu-lah orang2 yang akan di-korniakan rah-mat oleh Allah, se-dangkan Allah itu Ma-ha Perkasa lagi Maha Bijaksana."

Berhubung dengan perkara ini dapat-lah di-buat kesimpulan ba-hawa keharmonian ru-mah-tangga itu ada-lah bergantung kapada su-ami dan isteri. Maka untuk menghindarkan dari terjadi-nya hal2 yang tidak di-ingini dan menyedihkan sa-perti yang di-sebutkan di-atas tadi demi untuk menjamin keharmonian rumah-tangga sa-tiap pasangan suami is-teri itu perlu-lah meng-amalkan sifat2 saling mengerti dan bersefa-haman, saling meng-hargai kebolehan dan kechenderongan di-an-tara satu sama lain; sa-ling menerima keadaan diri masing2 sa-bagai-mana ada-nya; saling memperchayai dan bersifat jujur dalam segala hal dan saling menchintai dengan ti-dak putus2 menum-pahkan perasaan kaseh sayang.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 26hb Mach, 1980 hingga ka-hari Selasa 1hb April, 1980 ada-lah saperti di-bawah ini:

Hari	Bulan	Dzuhor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Matahari Suboh Terbit
26hb Mach	12.30	3.48	6.34	7.45	4.50	5.06	6.21
27hb Mach	12.30	3.48	6.34	7.45	4.50	5.06	6.21
28hb Mach	12.30	3.48	6.34	7.45	4.50	5.06	6.21
29hb Mach	12.30	3.48	6.34	7.45	4.50	5.06	6.21
30hb Mach	12.30	3.48	6.34	7.45	4.50	5.06	6.21
31hb Mach	12.30	3.48	6.34	7.45	4.50	5.06	6.21
1hb April	12.29	3.44	6.33	7.45	4.48	5.03	6.18

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.



Anggota2 Angkatan Laut terima Pingat Kerja Lama

MUARA. — Sa-ramai dua belas orang anggota Pasukan Angkatan Laut Askar Melayu Diraja Brunei menerima sa-orang askar penganjian pada pagi Khamis, 20hb Mach lepas telah menerima Pingat Kerja Lama dan Kelakuan Baik di satu upacara sengkang yang diadhihi oleh pegawai2 dan anggota2 pasukan itu di padang kawat di-sini.

Upacara yang di-mula dengan menaikan Bendera kira2 pukul 8.00 pagi itu telah di-sempurnakan oleh Pegawai Pemerintah Angkatan Laut, Lt. Kol. A. H. F. Wilks.

Pingat Kerja Lama dan Kelakuan Baik itu telah diberikan kepada mereka sa-

bagai mengenang perkhidmatan mereka sa-lama lebih 18 tahun dan berkelakuan baik sa-panjang perkhidmatan.

Lt. Kol. Wilks kemudian menerima perbarisan yang mengambil bahagian dan menerima tabek hormat berjalan lalu dengan iringan pencharagam Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei.

Penerima2 pingat tersebut terdiri dari PW II. L. Taylor; PW II. Hamdan bin Edin; PW II. Mustapha; PW II. Murah; S/Sgt. Abu Bakar; S/Sgt. Md Salleh; S/Sgt. Mohammad Taib; Sgt. Osman; Sgt. Mudin; Sgt. Ibrahim; Sgt. Mohidin dan Koprul Jumaat.

DUA belas orang anggota Angkatan Laut berdiri tegak sa-telah menerima pingat dan gambar bawah salah sa-orang anggota berkenaan sedang di-sematkan dengan pingat tersebut oleh Lt. Kol. A.H.F. Wilks.



Nama2 peserta Kursus Sivik Kumpulan Kedua

KUMPOLAN IIA

Awang Haji Abd Aziz bin Ahmad, Penghulu, Mukim Sungai Kedayan, Brunei; Awang Haji Sukor bin Haji Pakar, Penghulu, Mukim Gadong, Brunei; Awang Ahmad bin Lakin, Penghulu, Mukim Batu Apoi, Temburong; Awang Haji Morshidi bin Muhammad, Penghulu, Mukim Pekan Tutong, Tutong; OKIP Awang Sahari bin Karim, Penghulu, Mukim Bukit Sawat, Belait; Awang Buntar bin Haji Serudin, Ketua, Kampong Pangkalan Batu, Brunei; Pengiran Metassan bin Pg Damit, Ketua, Kampong Pekan Lama, Brunei; Awang Diwa bin Rabaha, Ketua, Kampong Mentiri, Brunei; Awg Haji Mohd Salleh bin Abdul Latif, Ketua, Kampong Bunot Perpindahan, Brunei; Awang Mohd Halim bin Haji Ja'afar @ Mohd Zain, Ketua, Kampong Lupak Luas, Tarab Bau, Brunei; Awang Haji Kassim bin Bakar, Ketua, Kampong Masjid Lama/Sabun/Pekan dan Pelampung, Brunei.

POKID Dato Paduka Awg Haji Musa bin Hitam, Ketua, Kampong Sumbiling, Lama, Brunei; Awang Haji Nasir bin Tarif, Ketua, Kampong Sungai Tilong/Sungai Akar/Madang dan Manggis, Brunei; Pengiran Mahmud bin Pg Maidin, Ketua, Kampong Pg Kerma, Indera Lama, Brunei; Awang Haji Sa'at bin Idris, Ketua, Kampong Saba Darat 'B', Brunei; Awang Ahmad bin Jaludin, Ketua, Kampong Sungai Kedayan 'A', Brunei; Awang Haji Musa bin Pgh Haji Jair, Ketua, Kampong Setia 'B', Brunei; OKS Haji Tuba bin Talib, Ketua, Kampong Senukoh, Temburong; Awang Buga anak Duat, Ketua, Rumah Panjang Amo 'A', Temburong; Awang Haji Mosbi bin Abdullah, Ketua, Rumah Panjang Sibut, Temburong; Awang Haji Momin bin Asmad, Ketua, Kampong Bukit Panggal, Tutong; Awang Haji Ratu bin Ismail, Ketua, Kampong Birau, Tutong; Awang Johari bin Bungsu, Ketua, Kampong Padnunok, Tutong; Awg Jamaluddin bin Abdullah, Ketua, Rumah Panjang Supon Kechil, Tutong; Awang Kiprawi bin Kalau, Ketua, Kampong Labi Lama, Belait; Awang Beirah anak Dagang, Ketua, Rumah Panjang Baran, Belait; Awang Mawat anak Unting, Ketua, Rumah Panjang Sema-

wa, Belait; Awang Jawa anak Gelayang Ketua, Rumah Panjang Apak2, Belait.

KUMPOLAN IIB

Awang Haji Ibrahim bin Abd Rahman, Penghulu, Mukim Berakas, Brunei; Awang Haji Bakar bin Awang Hashim, Penghulu, Mukim Burong Pingai Ayer, Brunei; Awang Haji Tengah bin Damit, Penghulu, Mukim Labu, Temburong; Awg Ismail bin Damit, Penghulu, Mukim Telisai, Tutong; Malai Haji Yahya bin Malai Haji Damit, Penghulu, Mukim Setia, Belait; Awang Lapa bin Baha, Ketua, Kampong Wasan, Brunei; Awang Muhammad bin Abu Bakar, Ketua, Kampong Kiu-lap, Brunei; Awang Muhammad bin Lamit, Ketua, Kampong Pulau Baru2, Brunei.

Awang Haji Chuchu bin Haji Nayan, Ketua, Kampong Bengkurong, Brunei; Awang Haji Dullah bin Namit, Ketua, Kampong Kasat, Brunei; Pengiran Haji Buntar bin Pengiran Sulaiman, Ketua, Kampong Delima Satu Pengiran Seraja Muda, Brunei; Awang Haji Mina bin Bulat, Ketua, Kampong Kapok, Brunei; Awang Haji Nayan bin Apang, Ketua, Kampong Kulaolis, Brunei; Awg Tengah bin Othman, Ketua, Kampong Tamoi Tengah, Brunei; Awang Damit bin Menu-din, Ketua, Kampong Sungai Matan, Brunei.

Awang Haji Ludin bin Hashim, Ketua, Kampong Pintu Malim, Brunei; Awang Kampong bin Nayan, Ketua, Kampong Puni, Temburong; Awang Lupat bin Bangau, Ketua, Kampong Selapon, Temburong; Awang Abas anak Ambok, Ketua, Rumah Panjang Lamaling, Temburong; Awang Alias bin Serudin, Ketua, Kampong Luang Dudok, Tutong; Sulaiman bin Safar, Ketua, Kampong Penanjong, Tutong; Awang Kula bin Sitam, Ketua, Kampong Bukit Sulang, Tutong; Awang Nyindang anak Belaka, Ketua, Rumah Panjang Lalipo, Tutong; Awang Shafiee bin Lewin, Ketua, Kampong Kuala Balai, Belait; Awang Langgi anak Balan, Ketua, Rumah Panjang Kuala Biadong, Belait; Awang Makan anak Ungap, Ketua, Rumah Panjang Dun-gun, Belait.

KUMPOLAN IIC

Awang Haji Ismit bin Pgh Mukim Haji Naim, Penghulu, Mukim Peramu, Brunei; Awang Haji Abd Wahid bin Haji Abd Wahab, Penghulu, Mukim Sg. Liang, Belait; OKP Ampading anak OK Masing, Penghulu, Mukim Kenua, Temburong; Awang Ringgit bin Luang, Penghulu, Mukim Ukong, Tutong; Awang Rasit bin Haji Bandol, Ketua, Kampong Mulaut, Brunei; Awang Haji Mohd Noor bin Zakaria, Ketua, Kampong Tanah Jambu/Salar, Brunei; Awang Haji Yakub bin Haji Metali, Ketua, Kampong Pancha Delima, Brunei; Awang Haji Ludin bin Gapar, Ketua, Kampong Sungai Kebun, Brunei; Pehin Bendahari Awang Mat Serudin bin Pehin Tuan Imam Abd Rahman, Ketua, Kampong Bukit Salat, Brunei.

Pengarah Awang Haji Jalil bin Abdullah, Ketua, Kampong Kota Batu, Brunei; Awang Haji Md Yusof bin Datu Imam Haji Mokti, Ketua, Kampong Burong Pingai Berakas, Brunei; Pengiran Othman bin Pg Damit, Ketua, Kampong Bakut Berumpit, Brunei; Awang Haji Awang bin Jambul @ Haji Chuchu, Ketua, Kampong Peramu, Brunei; Awang Hassan bin Haji Ahim, Ketua, Kampong Kia-rong, Brunei; Pengiran Haji Ahmad bin Pg Md Daud, Ketua, Kampong Tasek Meradu, Brunei; Awang Pudin bin Jumahat, Ketua, Kampong Lambak Kiri, Brunei.

Awang Osman bin Nayan, Ketua, Kampong Bokok, Brunei; Awang Isau anak Jalai, Ketua, Rumah Panjang Sekurup, Temburong; Awg Bat anak Jubin, Ketua, Rumah Panjang Temada, Temburong; Awang Jamudin bin Isa, Ketua, Kampong Sinaut, Tutong; Awang Owing bin Yaba, Ketua, Kampong Batang Mitos, Tutong; Awang Muslim bin Mantok, Ketua, Kampong Panchong, Tutong; Awang Ayeah anak Tinggi, Ketua, Rumah Panjang Bedawan, Tutong; Awang Mahari bin Md Daud, Ketua, Kampong Lumut, Belait; Awang Silang anak Beringgai, Ketua, Rumah Panjang Biadong Ulu, Belait; Awang Luyah anak Kaling, Ketua, Rumah Panjang Sukang Ulu, Belait; Awang Maling anak Bunda, Ketua, Rumah Panjang Buau, Belait.

KUMPOLAN IID

Pgh Awang Haji Metussin bin Haji Abdullah, Penghulu, Mukim Tamoi, Brunei; Awang Haji Ali bin Ahmad, Penghulu, Mukim Serasa, Brunei; Awang Haji Ibrahim bin Haji Ahmad, Penghulu, Mukim Kumbang Pasang, Brunei; DMS Awang Dian bin Kapal, Penghulu, Mukim Sukang, Belait; Awang Haji Shawal bin Haji Rahman, Ketua, Kampong Tanjong Bunut, Brunei; Awang Salleh bin DSL Haji Samat, Ketua, Kampong Sungai Hanching, Brunei; Awang Haji Samat bin Ibrahim @ Haji Abd Samat, Ketua, Kampong Lurong Sekuna, Brunei; Awang Jaludin bin Nayan, Ketua, Kampong Jerudong, Brunei; Awang Abd Rahman bin Haji Naim, Ketua, Kampong Batu Marang, Brunei.

Awang Md Noor bin Khatib Abd Razak, Ketua, Kampong Limbongan, Brunei; Awang Ismail bin Ja'afar, Ketua, Kampong Pandai Besi 'B', Brunei; Awang Haji Yusof bin Metamit, Ketua, Kampong Kilanas, Brunei; Awang Haji Metali bin Matyassin, Ketua, Kampong Saba Darat 'A', Brunei; Awg Haji Kapitan bin Pgh Basir, Ketua, Kampong Setia 'A', Brunei.

Pehin Khatib Dato Paduka Haji Md Said bin Awang Tengah, Ketua, Kampong Medewa, Brunei; Awang Badas bin Haji Kamarudin, Ketua, Kampong Belings, Temburong; Awg Haji Salleh bin Abdullah, Ketua, Rumah Panjang Bahagia, Kampong Semabot, Temburong.

Awang Haji Adam bin Abdullah, Ketua, Rumah Panjang Sembatang, Temburong; Awang Dinggai anak Ipul, Ketua, Rumah Panjang Lepong Lama, Temburong; OKPI Awang Haji Jilli bin Ibrahim, Ketua, Kampong Danau, Tutong; Awang Alim bin O.K. Haji Durahim, Ketua, Kampong Kupang, Tutong; Awang Munchong bin Akai, Ketua, Kg Kiudang, Tutong; Awang Majang anak Saat, Ketua, Rumah Panjang Belabau, Tutong; Awang Ahmad bin Rais, Ketua, Kampong Labi, Belait; Awang Kado anak Sigat, Ketua, Rumah Panjang Bang Tajok, Belait; Awang Mor anak Aning, Ketua, Rumah Panjang Saud, Belait; Awang Ujan anak Gasing, Ketua, Rumah Panjang Biadong Tengah, Belait.



Dua sumbangan derma untuk mangsa kebakaran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-orang mangsa kebakaran, Awang Salleh bin Uga dari Kampong Orang Kaya Besar Imas, di-Daerah Brunei-Muara telah menerima dua sumbangan derma yang berjumlah \$1,327.

Sumbangan pertama yang berjumlah \$527.00 telah di-sumbangkan oleh pegawai dan kakitangan Jabatan Lembaga Bandar Bandar Seri Begawan sementara \$800.00 di-sumbangkan oleh Majlis Ugama Islam Brunei.

Derma dari pegawai dan kakitangan Lembaga Bandar itu telah di-sampaikan oleh Awang Mutalip bin Haji Idris selaku wakil

Pengerusi Lembaga Bandar itu kepada Pengerusi Badan Kebajikan Kebangsaan Brunei, Y.B. Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussein yang kemudiannya menyampaikan wang tersebut kepada Awang Salleh (gambar atas).

Majlis penyampaian derma itu telah di-langsungkan di-Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan pada hari Selasa lalu.

Derma dari Majlis Ugama Islam pula telah disampaikan oleh Setia Usaha Majlis tersebut, Awang Haji Ibrahim bin Haji Mohd Tinggal di-Jabatan Hal Ehwal Ugama pada hari Rabu lalu.

RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pihak Radio Talivishen Brunei berhak untuk menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebih dahulu.

RABU - 26HB MACH

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 TARZAN, LORD OF THE JUNGLE
- 5.30 ANIMAL WORLD — "Run Free"
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.05 DR WHO — "The Deadly Assassin" Bahagian kedua.
- 6.34 AZAN MAGHRIB
- 6.38 BEWITCHED — "Daddy Does His Thing" Darrin dengan keras hati enggan menerima hadiah hari-jadi dan Maurice mengubah-nya menjadi sa-ekor kelai.

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 TRAPPER JOHN M.D.
- 7.45 AZAN ISHA
- 7.47 TRAPPER JOHN M.D. — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 MAJALLAH BRUNEI
- 8.50 THE PROFESSIONALS: "Stop Over" Cowley di-panggil segera untuk melihat kawan lama-nya Meredith siapa yang menerangkan bahawa ia telah dipenjarakan sa-lama dua tahun yang lalu di-Cambodia dan telah di-bebaskan untuk merundingkan sa-suatu dengan Cowley.
- 9.40 TAYANGAN GAMBAR TV: "The Hostage Heart"
- 11.10 SIARAN TAMAT.

KHAMIS - 27HB MACH

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 A PLACE TO LIVE
- 5.15 ADVENTURES OF TIMOTHY PILGRIM
- 5.30 SPIDERMAN
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.05 SALVAGE
- 6.34 AZAN MAGHRIB
- 7.48 SALVAGE — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 CENTENNIAL — "The Longhorns" Bahagian kedua.
- 7.45 AZAN ISHA
- 7.49 CENTENNIAL — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 HIDAYAT
- 9.00 DUNIA MINGGU INI
- 9.30 SURVIVAL
- 10.20 GARRISON'S GORILLAS
- 11.10 PERLAWANAN GUSTI
- 12.00 SIARAN TAMAT.

JUMAAT - 28HB MACH

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 WORZEL GUMMIDGE
- 5.00 SAYANG ADEK-KU SAYANG
- 5.30 THE MUPPETS
- 6.00 RENGKASAN BERITA

6.05 SPACE SENTINELS —

"The Worldship"
The Space Sentinels yang meletus ka-angkasa, tujuan-nya untuk merosakkan sa-buah planetoid besar yang terus menuju ka-Bumi. Tak lama kemudian mereka mendapati bahawa planetoid itu mengandungi rahsia2 yang menakjubkan.

- 6.26 GREEN HORNET
- 6.34 AZAN MAGHRIB
- 6.38 GREEN HORNET — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 TELEMATCH
- 7.45 AZAN ISHA
- 7.49 TELEMATCH — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 SERBA SERBI
- 9.00 SOME MOTHERS DO 'AVE 'EM
- 9.30 QUINCY — Sa-orang pemeriksa perubatan yang bertugas di-Coroner's Dept. of City of Los Angeles, Quincy dengan sifat semula jadi-nya yang selalu ingin tahu membawa kepada penyelesaian2 yang terbesar.
- 10.20 BIG LEAGUE SOCCER
- 11.10 SIARAN TAMAT.

SABTU - 29HB MACH

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 SESAME STREET
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.05 NEW SCOOPY DOO
- 6.34 AZAN MAGHRIB
- 6.38 WARISAN

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 DALLAS
- 7.45 AZAN ISHA
- 7.49 DALLAS — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 MAJALLAH BRUNEI
- 8.50 TAYANGAN FILEM MELAYU
- 10.30 CLIFFHANGERS
- 11.20 SIARAN TAMAT.

AHAD - 30HB MACH

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 ROAD TO WEMBLEY
- 5.30 READING WITH LENNY
- 5.45 HANDFUL OF SONGS
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.05 YOGI'S GALAXY GOOF-UPS — "The Treasure of Cargo Banco"
- 6.34 AZAN MAGHRIB
- 6.38 DON'T ASK ME

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS



BILL Bixby sa-bagai David Banner dalam satu adigan keramaian dalam episod "Babalao" sini "The Incredible Hulk" yang akan di-tayangkan hari Ahad, jam 7.15 malam.

- 7.15 THE INCREDIBLE HULK — "Babalao" David Banner dan the Hulk menentang orang2 yang mengamalkan voodoo untuk menolong sa-orang doktor muda mengeluarkan pesakit2-nya dari zaman2 keperchayaan lama.
- 7.45 AZAN ISHA
- 7.49 THE INCREDIBLE HULK — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 JUST FRIENDS
- 9.10 MUTIKA
- 9.50 THE REBELS — Novel kedua John Jake ini ada-lah sambongan kepada The Bastard. The Rebels menyambung kisah Philip Kent serta lelaki2 dan wanita2 yang terkenal dan tidak di-kenali yang melawan-nya dalam usaha orang2 Amerika untuk mendapatkan kebebasan.
- 11.50 SIARAN TAMAT.

ISNIN - 31HB MACH

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 HERE COMES MUMFIE
- 5.15 MIGHTY HERCULES
- 5.30 TALES FROM 1,001 DAYS
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.05 LIFE AND TIMES OF GRIZZLY ADAMS — "The Littlest Greenhorn" Grizzly mengajar sa-orang kapten laut yang bersara dan chimp peliharaan-nya yang nakal tentang peri mustahak-nya persahabatan di-antara manusia dan binatang.
- 6.34 AZAN MAGHRIB
- 6.38 GRIZZLY ADAMS — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.45 AZAN ISHA
- 7.49 CHARLIE'S ANGELS — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 MAJALLAH BRUNEI
- 8.50 PUSPARAMA
- 9.40 ROAD TO MOSCOW
- 10.30 LOU GRANT — "Fire"
- 11.10 SIARAN TAMAT

SELASA - 1HB APRIL

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 GENE MACHINE
- 5.30 BATTLE OF THE PLANETS — "Attack of the Alien"
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.05 BLAKE'S SEVEN — "Bounty" Blake memaksa sa-orang presiden dalam buangan untuk pulang ka-planet-nya sendiri dan mendapati diri-nya dalam perangkap yang membahayakan.
- 6.33 AZAN MAGHRIB
- 6.37 BLAKE'S SEVEN — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 T. R. SLOANE — "Sweethearts of Disaster"
- 7.45 AZAN ISHA
- 7.49 T. R. SLOANE — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 ARENA SOKAN
- 9.15 TAYANGAN GAMBAR: "Harry and Tonto"
- 11.40 SIARAN TAMAT.

**Kesah kaseh sayang
sa-orang lelaki dengan
sa-ekor kucing
dalam tayangan gambar
"Harry and Tanto"**

TAYANGAN gambar pada hari Selasa ini membawa kesah sa-orang duda Harry (Art Carney), yang bertemaddun berusia lingkungan 70 tahun tinggal di-Barat Manhattan bersama Tanto, kucing-nya, sedang dalam perjalanan meninggalkan New York. Sebab pertama ia-lah kerana ia merasa bosan di-anggap bodoh. Sebab yang kedua ia-lah kerana apartment-nya yang akan di-robok.

Mereka menuju ka-pinggir bandar dengan anak lelaki-nya Burt (Phil Bruns), isteri-nya Elaine dan anak lelaki mereka Norman (Joshua Mostel). Penghidupan di-desa tidak begitu chok-chok lalu Harry dan Tanto pun pergi ka-Chicago, tempat anak-nya Shirley. Kesah ini berlanjutan dengan kejadian-an2 yang menakjubkan—kesah kaseh sayang sa-orang lelaki dan kucing-nya ini akan di-tayangkan jam 9.15 malam.



intisai
RIT
minggu i

Making A

This lovely up-to-date two (below) will be the subject of for Making A Home programme.

When met by the producer, his home, the owner Awang Alnoor and his wife, Dayang Hussein gave useful and interesting homemaking.

This interview and a talk on right building materials for your Butcher, can be heard through Radio Brunei, on Saturday 29th and its repeat, on Tuesday 1st.



GAMBAR atas (dari kiri kekanan): Philip Abbott, Lloyd Nolan, Kelly Jean Peters bersama2 David Hollander yang di-pegangnya, bintang Jack Klugman sa-bagai Quincy, dan Susan Gay Powell. Adigan ini ada-lah dari siri "Quincy" yang berjodol "A Test For Living" yang di-tayangkan pada hari Jumaat jam 9.30 malam. Quincy menggantikan siri Hawaii Five-O.



PEGAWAI2 Ranchangan yang mengambil bahagian dalam lakunan drama pembangunan Keluarga Jaya yang di-siarkan pada tiap2 hari Jumaat, jam 11.30 pagi.

Pengenalan gambar (dari kanan), Dk Rasinah Pg Haji Kahar; Salmah Abdul Rahman (penerbit ranchangan); Dayang Aya bte Abdul Hamid; Zainab Haji Md Taha; dan Bahmin Hamdan.

100 orang penuntut mulakan Latehan Pertukangan

JALAN MUARA.—Sa-ramai 100 orang penuntut baru latehan Pertukangan telah memulakan kursus mereka bertempat di-Sekolah Bangunan Sultan Saiful Rizal di-sini minggu lalu.

Kumpulan yang terdiri daripada lelaki dan perempuan itu akan mengikuti berbagai kursus yang termasuk menyusun bata, pertukangan kayu, membuat perabot, mengechat dan menghias dan memasang paip.

Terdahulu dari itu mereka telah menjalani 'minggu suai kenal' yang mengandungi berbagai acara, dari yang berchorak pendidekan, cheramah, lawatan, sokan, permainan2 hingga-lah membawa kepada kegiatan2 yang berchorak keugamaan.

Antara pencheramah yang di-undang untuk memberikan cheramah ia-lah Ketua Pegawai Penerangan, Awg Haji Badaruddin bin Pe-

ngarah Haji Othman. Beliau telah menyampaikan cheramah-nya di-hari kedua 'minggu suai kenal' tersebut.

Di-hari ketiga penuntut telah berkesempatan untuk meluaskan lagi pandangan mereka bilamana mereka telah di-bawa melawat sambil memerhati ka-Perkhemahan Berakas, Pusat Latehan Pulis, Perkhemahan Bolkliah dan Pusat Latehan Pertanian.

Minggu suai kenal itu telah di-akhiri dengan dua cheramah yang masing2 menghuraikan tentang penting-nya keselamatan di-jalan raya dan bahaya dadah.

Cheramah mengenai keselamatan jalan raya telah di-sampaikan oleh Pegawai Lalu-Lintas, ASP Pengiran Haji Salim bin Pg Wahid sementara bahaya dadah pula di-sampaikan oleh ASP Tajuddin dan ASP Sim Boon Kiat.



KETUA Pegawai Penerangan, Awang Haji Badaruddin ketika menyampaikan cheramah kepada penuntut2 tersebut sementara gambar bawah pula kelihatan Pengetua Sekolah Bangunan Sultan Saiful Rizal menyampaikan chenderamata kepada Awang Haji Badaruddin.

LATEHAN PERTUKANGAN BUKAN JALAN KELUAR ATAU ISTIREHAT—Hj Badaruddin

JALAN MUARA — Penuntut2 yang mendapat latehan kemahiran pertukangan telah di-seru menyedaiakan diri untuk memasuki sektor2 pribet dan swasta yang kini banyak bergantung kepada pekerja2 dari luar negeri.

Mereka di-ingatkan bahawa latehan2 kemahiran yang mereka peroleh sepatutnya tidak menjadikan mereka bertumpu kepada sektor Kerajaan dalam memilih pekerjaan seperti hal-nya sekarang ini.

Seruan ini telah di-buat oleh Ketua Pegawai Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman dalam cheramah-nya di-Minggu Suai-Kenal bagi penuntut2 baharu Sekolah Bangunan Sultan Saiful Rizal di-sini.

Kata-nya, sekolah2 pertukangan dan teknikal yang menyediakan berbagai2 kursus ada-lah di-maksudkan bagi melahirkan tenaga2 pekerja mahir dan saparoh mahir di-masa lepas-an2nya di-harapkan dapat mengisi bidang2 pekerjaan yang memerlukan kemahiran terutama-nya di-sektor2 pribet dan swasta di-negeri ini.

Dari itu, beliau menasehatkan penuntut2 yang memasuki sekolah2 bagi latehan2 kemahiran hendaklah merencanakan bidang pekerjaan mereka di-masa depan dengan memasuki sektor2 pribet dan swasta bagi mengimbangi pengaliran masuk pekerja2 asing ka-negeri ini.

Yang terpenting, kata beliau, penuntut2 yang memasuki sekolah2 yang menyediakan latehan2 kemahiran jangan menjadikan sekolah mereka sa-bagai chuma jalan keluar sa-telah mereka itu gagal dalam bidang mata-pelajaran akademik lalu bersikap sambil lewa tanpa matalamat masa depan.

"Jika benar-lah kamu memasuki sekolah ini sakadar untuk jalan keluar bagi mendapat perlindungan tittle penuntut, di-mana di-negeri ini tittle sedemikian itu memang-nya mempunyai kelebihan, kalau pun bukan keistimewaan kepada siapa2 yang memegang-nya, maka sikap itu hanya akan menjadikan kamu terus menerus berkeadaan tidak dedikasi terhadap mata2 pelajaran dan latehan, serta juga berkeadaan lemah kemahiran dan pandangan terhadap masa depan," jelas beliau.

Menurut beliau lagi, sikap tersebut hanya akan mendedahkan penuntut2 kepada berbagai2 akibat dengan terjerumus ka-dalam kegiatan2 yang merosakkan seperti penyalahgunaan dadah dan anarkis atau anti undang2 dan sosial.

Menyentuh sa-terus-nya mengenai masalah tenaga pekerja di-negeri ini beliau menerangkan yang kehadiran teknologi moden ka-negeri ini belum-lah mengurangkan keperluan kepada tenaga manusia, bahkan sa-makin banyak alat2

jentera berat dan rumit di-masokkan ka-negeri ini semakin jelas pula keperluan kepada tenaga2 pekerja yang mahir atau sa-paroh mahir. Begitu-lah juga hal-nya dalam kerja2 benaan yang kian bertambah.

Penglibatan anak2 negeri dalam sektor2 pribet dan swasta yang mengambil peranan dalam memajukan perkembangan negeri kita ada-lah perlu untuk jangka panjang masa depan negara dan kata-nya amat-lah menyedihkan jika perkara ini tidak segera di-sedari dengan saksama oleh penuntut2 dari sekarang.

Kapada penuntut2, beliau sa-terus-nya berkata: "Betul, untuk memilih yang lain dari kerja2 menarek seperti dalam sektor Kerajaan itu sa-olah2 menyusah-payahkan diri sendiri. Tapi kamu mesti-lah mulai sedar bahawa akan tiba waktu-nya jalan senang yang biasa kita lalui dalam kemewahan negeri kita ini akan perlahan2 penoh sesak."

"Waktu itu orang2 seperti kamu terpaksa bersedia memilih jalan lain dari jalan yang biasa itu dengan terpaksa pula menempoh kesukaran2," tegas beliau.



Penuntut2 tinjau kegiatan pasukan AMDB

BERAKAS. — Sa-ramai 80 orang penuntut dari Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara dan Sekolah St. Andrew dari Bandar Seri Begawan telah mengadakan lawatan sa-hari ka-beberapa bahagian Markas Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei pada hari Selasa yang lalu.

Rombongan Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan di-ketuai oleh Awg Yusof bin Tahir dan dibantu oleh dua orang guru yang lain.

Lawatan kedua2 sekolah tersebut ka-pasokan AMDB itu ada-lah khas di-ator oleh Jabatan Pelajaran dengan Kerjasama Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei.

Tujuan lawatan itu ia-lah

bagi menggalakkan dan menarek minat penuntut2 di-negeri ini supaya memasuki kerjaya tentera terutama sekali pegawai2 kadet di-samping untuk memperlihatkan kepada penuntut2 itu sa-chara dekat tentang perkembangan dan kemajuan yang telah di-chapai oleh Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei sejak 19 tahun yang lalu.

Antara tempat2 yang dilawati oleh penuntut2 itu termasuk-lah Pusat Latehan Perkhemahan Bolkliah, Chawangan Udara serta Pasokan Battallion Pertama Askar Melayu Diraja Brunei di-Berakas Kem.


Markas yang pertama dilawati oleh mereka ia-lah Pusat Perkhemahan Bolkliah di-sini. Di-mana di-pusat ini rombongan pelawat2 telah di-alu2kan oleh Pegawai Pengambilan Pasokan, Yang Dimulikan Pehin Dato Maharajalela Mejar Dato Haji Musa bin Haji Yaakob, Kapten Ahmad bin Yahya, Pegawai Waran II Rajab serta pegawai2 kanan di-pusat tersebut.

Sa-lepas menerima taklimat penuntut2 itu berkesempatan pula melawat Muzium AMDB, chawangan semboyan, bengkel senjata dan alat radio elektronik dan teleprinter di-samping

itu mereka juga telah di-beri kesempatan menembak target dan tin2 kosong dengan menggunakan M16 bertempat di-Pangpong Tembak pusat itu.

Sementara itu pada sabalah petang-nya pelawat2 itu di-bawa pula melawat ka-Markas Perkhemahan Berakas di-mana mereka telah di-bawa melawat ka-bahagian Chawangan Udara dan Battallion Pertama.


Di-markas Battallion Pertama penuntut2 itu telah berpeluang menyaksikan beberapa pertunjukan dari beberapa bahagian pasukan seperti Pasokan Tentera Jalan kaki, pasukan menembak dan meninjau kereta perisai Scorpion yang telah di-tunjukkan oleh Skuadron Kereta Perisai yang berpangkalan di-Battallion kedua Perkhemahan Tutong.



SA-BAHAGIAN dari penuntut2 itu sedang menyaksikan barang2 yang di-pamerkan di-Muzium AMDB di-Berakas Kem.



TAREK KALAT — salah satu acara sokan yang di-adakan dalam 'minggu suai kenal' itu.



SEKOLAH Persediaan Inggeris Mahohai (kiri) dan Sekolah Melayu Kampong Mata-Mata (atas).

PERLAWANAN LIGA BOLASEPAK

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Bolasepak Amat Negeri Brunei akan menganjurkan perlawanan Liga Bolasepak kali yang ketiga yang akan bermula pada awal bulan Mei tahun ini.

Perlawanan tersebut terbuka kepada Persatuan2 Belia; Majlis2 Sokan dan Badan2 Kebajikan dan Sokan di-negeri ini yang berdaftar dengan kerajaan dan menjadi ahli gabungan Per-

satuan Bolasepak Amat Negeri Brunei (BAFA).

Borang penyertaan dan butir2 lanjut bagi memasuki perlawanan itu boleh di-dapati sekarang dari nama2 yang tersebut di bawah :—

a) Awang Ibrahim bin Pehin Datu Indera Sugara Dato Haji Johari, Bahagian Penerangan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

b) Awang Haji Ismail bin Haji Ibrahim, Sekolah Persediaan Inggeris Dato Gandhi, Brunei.

c) Awang Haji Mohd. Yusof bin Bakar, Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan, Brunei.

d) Awang Ismail bin Apang, Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan, Kuala Belait.

e) Awang Osman bin Haji Ghazali, Jabatan Kerja Raya, Tutong.

Bayaran masuk bagi satu pasukan ialah sa-banyak \$80.00 sementara bayaran pendaftaran bagi sa-orang pemain ialah sa-banyak \$2.00.

Borang2 yang telah di-isikan dengan bayaran-nya sekali hendaklah di-bekikan kepada nama2 berkenaan tidak lewat dari hari Sabtu 12hb. April depan jam 4.00 petang.

Perlawanan ini di-adakan adalah bagi merebut piala yang di-hadiahkan oleh Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain. Pada tahun lepas johan Liga Bolasepak tersebut telah di-menangi oleh pasukan Perkasa.

EMPAT BUAH SEKOLAH BARU MULA DI-GUNAKAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-jajar dengan perkembangan pelajaran di-negeri ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia menerusi Jabatan Pelajaran telah berusaha untuk memberikan sistem pelajaran yang sempurna kepada semua lapisan rakyat negeri terutama kanak-kanak yang memerlukan asas pelajaran di-peringkat rendah.

Untuk itu sa-panjang tahun 1979 dan sejak awal tahun ini beberapa buah bangunan sekolah baru yang berbentuk kekal untuk murid2 di-sekolah rendah telah di-dirikan di-beberapa buah kawasan di-Daerah Brunei dan Muara dan bangunan2 baru itu telah mula di-gunakan bagi mengurangkan kesesakan tempat belajar di-beberapa sekolah yang lain.

Ini termasuklah pembinaan Sekolah Melayu Kampong Mata-Mata di-Gadong yang menampung

sa-ramai 223 orang murid aliran Melayu dan 240 murid persediaan Inggeris.

Dengan keramaian murid itu Jabatan Pelajaran telah menyediakan mereka dengan 17 orang guru untuk aliran Melayu dan 10 orang untuk persediaan Inggeris di-bawah jagaan Guru Besar, Awang Juned bin Mustapha.

Keupayaan sekolah berkenaan yang boleh menampung lebih kurang 700 orang murid itu telah di-lengkapkan dengan 24 buah bilek darjah dan ia-nya telah mula di-gunakan pada 3hb Disember tahun lepas.

Sementara itu bagi pendudok2 sekitar Kampong Mahohai sa-buah Sekolah Persediaan Inggeris telah di-dirikan dalam mana 515 murid mula belajar.

Ia-nya di-lengkapi dengan dewan makan, bilek perpustakaan dan kelinik pergigian, sementara guru besar ia-lah Awang Bahar

bin Ahmad. Sekolah tersebut mula di-gunakan pada 21hb Januari yang baru lalu.

Juga mendapat bangunan sekolah baru ia-lah pendudok2 di-kawasan Kampong Menglait, Gadong yang mana murid2-nya mula belajar di-sekolah baru itu pada 1hb Mach lepas dengan keramaian murid 90 orang dan guru lapan orang.

Sekolah yang di-bawah tadbiran Guru Besar Abdul Rahman bin Haji Omar boleh menampung lebih kurang 700 orang murid dengan dua aliran persekolahan Melayu dan persediaan Inggeris dan di-lengkapi sa-buah dewan dan sa-buah perpustakaan.

Dan di-Kampong Pulau, Berakas murid2 di-sana telah mula belajar di-bangunan sekolah baru mereka pada 1hb Mach lepas juga dalam dua aliran dengan keramaian murid 327 orang.

Dengan kelengkapan sa-buah dewan, murid2 tersebut telah di-ajar dengan keupayaan guru sa-ramai 13 orang dan Guru Besar, Chegu Redzuan bin Abdullah.

Mashuarat tahunan Kelab Ria

BANDAR SERI BEGAWAN. — Mashuarat tahunan Kelab Ria, Bandar Seri Begawan akan di-adakan pada hari Ahad, 30hb Mach mulai jam 9.30 pagi bertempat di-kelab tersebut.

Tujuan mashuarat itu ialah bagi melantek ahli2 jawatankuasa tadbir bagi 1980-81.

Ahli2 kelab tersebut adalah di-persilakan hadir karmashuarat tersebut.

Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebih sederhana rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kepada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah ini bermula bagi minggu 20hb Mach, 1980.

BANDAR SERI BEGAWAN

1. LADA KERING — \$3.30 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut :—
Tan Eng Huat,
No. 111, Bangunan Guru2 Melayu,
2. MINYAK MAKAN (Chap Bunga 24 kati) (Singapore) — \$28.00 sa-tin boleh di-beli dari kedai berikut :—
Tan Lee Cheng,
No. 1-B, Sultan Lama,

KUALA BELAIT

1. LADA KERING — \$3.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut :—
a) Koh Kit Hin,
No. 28, Jalan Pretty.
- b) Foh Soon,
No. 60-A, Jalan Pretty.

c) Chin Fatt,
No. 60-B, Jalan Pretty.

2. MINYAK MAKAN (Chap Bunga 24 kati) (Singapore) — \$36.00 sa-tin boleh di-beli dari kedai berikut :—
Yick Yuen,
No. 3, Jalan Pretty.

SERIA

1. LADA KERING — \$3.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut :—
Poh Sing,
No. 65, Jalan Bunga Kenanga.
2. MINYAK MAKAN (Chap Bunga 24 kati) (Singapore) — \$31.00 sa-tin boleh di-beli dari kedai berikut :—
Saudar Malai,
No. 43, Jalan Bunga Melor.

Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 26hb Mach hingga 1hb April 1980

TEMPAT PERSINGGAHAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Melayu Penglima Berudin, Limau Manis	26.3.1980	Rabu	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Melayu Pengkalan Batu	26.3.1980	Rabu	9.45-10.45 "
Sekolah Melayu Masin	26.3.1980	Rabu	11.00-12.00 T/Hari
Sekolah Melayu Birau	29.3.1980	Sabtu	1.30- 2.30 petang
Sekolah Melayu Kiudang	29.3.1980	Sabtu	2.45- 3.45 "
Sekolah Melayu Lamunin	29.3.1980	Sabtu	4.00- 5.00 "
Sekolah Inggeris Berakas (Bahagian Rendah)	31.3.1980	Isnin	2.00- 3.00 "
Berhadapan Kedai, Kampong Perpindahan	31.3.1980	Isnin	3.30- 4.30 "
Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok	1.4.1980	Selasa	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Melayu Dato Mahawangsa, Lambak	1.4.1980	Selasa	10.30-11.30 "

Persatuan PATUH di-batalkan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pesuruhjaya Polis, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid yang juga selaku Pendaftar Persekutuan2 Brunei minggu ini mengumumkan pembatalan sa-buah persatuan belia di-negeri ini.

Persatuan itu ia-lah "Persatuan Angkatan Tunas Harapan atau ringkas-nya "PATUH" yang telah di-tubuhkan di-Kampong Ayer dalam tahun 1962.

Mengumumkan pembatalan itu melalui Warta Kerajaan keluaran 9hb. Februari yang lalu, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya menyatakan rasa puas hati-nya mengesahkan yang Persatuan "PATUH" telah tidak berjalan lagi mulai 11hb. Disember, 1979.

Pembatalan ini di-buat ada-lah menurut Bab 7 dari Undang2 Persekutuan yang dengan kuat-kuasa-nya mensahkan persatuan tersebut telah tidak bergerak lagi sejak akhir tahun lalu.

Sementara itu, dalam Warta Kerajaan yang sama, Pendaftar Persekutuan2 Brunei itu juga mengumumkan pendaftaran sa-buah persatuan yang baru ia-itu "Persekutuan Qari dan Qariah Islam Brunei". Tarikh pengesahan pendaftaran-nya itu ia-lah pada 29hb. Disember, 1979 yang lalu.

Di-samping itu, sa-buah lagi kelab sokan ia-itu "Kelab Sokan Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Brunei" telah di-daftar pada 15hb. Januari yang lalu di-bawah Undang2 Persekutuan.

Pendaftaran di-tutup 17hb April

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pendaftaran bagi Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Singapura-Cambridge 'O' dan 'A' Level (aliran Melayu) 1980 telah di-mulakan sejak 17hb Mach 1980 yang lalu dan akan di-tutup pada 17hb April 1980.

Chalun2 dari Maktab atau Sekolah ada-lah di-kehendaki mendaftar melalui Pengetua mereka masing2 manakala chalun2 persendirian hendaklah mendaftar terus ka-Pejabat Lembaga Peperiksaan Bandar Seri Begawan, Brunei.

ne

d bungalow
s interview

Haji Ali, at
Dato Mat-
te Haji Md
as regarding

o choose the
y Mr Tom
h Service of
t 12.45 pm.,
9.30 pm.



TAMAN MEKAR DI-RADIO

RANCHANGAN Taman Mekar, merupakan ranchangan yang di-ambil bahagian oleh kanak2 lingkungan umur 7 hingga 12 tahun. Ranchangan ini bertujuan untuk menggalakkan kanak2 mengambil bahagian, sama ada di-bidang nyanyian, lawak jenaka, berlakun dan bercerita.

Ranchangan yang memakan masa sa-tengah jam ini, membawa para pendengar-nya mengikuti telatah2 daripada kanak2 yang di-undang khas oleh penerbit-nya. Pendengar2 yang minati ranchangan ini, boleh-lah mengikuti siaran-nya pada tiap2 hari Ahad jam 9.00 pagi dan ulangannya hari Rabu, jam 10.30 pagi.

Kapada adek2 yang ingin mengambil bahagian dalam ranchangan TAMAN MEKAR ini, sila-lah berhubung kapada penerbit-nya:

Penerbit Taman Mekar,
Bahagian Melayu,
RTB.

RANCHANGAN TVP DARI 31HB MACH—5HB APRIL

ISNIN — 31HB MACH

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 51
Ranchangan kali ini di-isikan dengan aktiviti2 seperti: BERMAIN KUDA, LIHAT DAN PERHATI, KATA SI-MANIS, PAK LONG dan PERMULAAN.
Dalam ruangan BERMAIN KUDA, kanak2 akan berlakun pergi ka-kampung ayer menaiki perahu dan ruangan KATA SI-MANIS pula menyuruh kanak2 membuat apa yang SI-MANIS telah arahkan.
Di-dalam HALAMAN SIRI PERMULAAN, Che'gu Sa'diah akan membacakan sa-buah buku cerita tentang 'Kapal Laut'.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 51

SELASA — 1HB APRIL

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 52
Ruangan BERLAKUN, KERJA TANGAN, BERMAIN KUDA, SI-MANIS, AMINAH, GAMBAR DAN SEBUTAN, serta CHERMIN SAKTI ada-lah aktiviti2 yang kanak2 dapat saksikan di-dalam ranchangan kali ini.
Dalam ruangan KERJA TANGAN, Che'gu Sa'diah akan menunjukkan kanak2 chara2 membuat rakit daripada straw dan kotak manehis.
SI-MANIS berpesan kapada kanak2 hari ini supaya berhati-hati sa-masa naik perahu. Che'gu Sa'diah pula akan mengajar kanak2 benda2 yang bermula dengan huruf 'C'.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 52

RABU — 2HB APRIL

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 53
Kali ini Che'gu Sa'diah dan kanak2 akan membuat aktiviti2 seperti: BERMAIN BOLA TUMBOK, TUNJOK

BENDA, AMIN, BELON SI-MANIS dan YANG MANA GANJIL.

Dalam halaman TUNJOK BENDA, kanak2 akan menunjukkan dan menceritakan benda2 yang kanak2 bawa dari rumah seperti barang2 mainan, lukisan, kerja tangan, gambar dan lain2.

YANG MANA GANJIL bermaksud untuk menguji perhatian kanak2.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 53

KHAMIS — 3HB APRIL

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 54
Dalam ranchangan kali ini Che'gu Sa'diah dan kanak2 akan membuat aktiviti2 seperti: IKUT KETUA, PAPAN HIKMAT, PETI SURAT, BERSENAM, dan HALAMAN BERCHERITA.
Che'gu Sa'diah akan membacakan surat2 yang di-terima-nya dan seterusnya bersenam bersama-sama kanak2 di-halaman BERSENAM.
Di-HALAMAN BERCHERITA Che'gu

Sa'diah akan menceritakan tentang sa-ekor burung Gagak dengan Musang.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 54

SABTU — 5HB APRIL

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 55
Di-dalam ranchangan ini Che'gu Sa'diah dan kanak2 akan membuat aktiviti2 seperti: BERMAIN KERUSI, BANG, KETUA KESELAMATAN, AMIN dan HALAMAN BERCHERITA.

Che'gu Sa'diah akan mengeluarkan dua kad berpasangan. Kanak2 akan menyebut BANG apabila kedua-dua gambar di-keluarkan berpasangan.

Di-HALAMAN BERCHERITA Che'gu Sa'diah akan menceritakan kisah Anjing menjamu Bangau.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 55



Pemandangan dalam Kelas ranchangan Kap Kap Udag.

N telah tamat dan isteri serta teman2-nya telah Andrew Stevens) memulakan satu penghidupan a-orang janda yang jelita, Peggy (Gwen Hum-EBELS) oleh John Jake—sambongan dari kesah—siri baru yang di-mulakan pada hari Ahad m.

Susunan ranchangan MINGGUAN RADIO

RABU

PAGI: 6.00 — Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Al-Koran dan Makna-nya; 6.30 — Dendang Suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Dunia Minggu Ini (SU); 8.30 — Permintaan Pagi Rabu; 9.30 — Lagu dan Senikata; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Pilihan Ku; 10.30 — Taman Mekar (SU); 11.00 — Hiboran; 11.30 — Auto-graph Pendengar. T/HARI: 12.00 — Surat Dari London; 12.15 — Senandong Ria — Azan Dzohor; 12.30 — Senandong Ria; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Al-Kisah; 1.30 — Sa-Iring Jalan. PETANG: 2.00 — Siaran Melayu Di-Tamatkan. 5.00 — Untok Belia; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Senandong Asli; 6.00 — Mukkaddam — Azan Maghrib (menunaikan sembahyang); 6.50 — Bingkisan Hari Ini. MALAM: 7.00 — Dalam Kenangan (SU); 7.30 — Dendang Tumasek; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Melayu, Dusun dan Iban; 8.30 — Pesta Ria/Suara dari Bintang2 (SU); 9.00 — Majallah Shell (SU); 9.30 — Hiboran; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Pimpinan Illahi — Bachaan Al-Koran; 10.25 — Do'a Restu; 10.30 — Siaran Melayu Di-Tamatkan.

KHAMIS

